

PM tidak sabar mahu lihat hasil RMK-9

Um - 28/10/2006

MELAKA 27 Okt. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, harapan rakyat untuk melihat pembangunan negara menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bukan sesuatu yang dipandang ringan oleh beliau.

Menurut Perdana Menteri, beliau mengambil berat dan sentiasa memberi perhatian tentang perkara tersebut serta mahu sesuatu projek yang dirancang dilaksanakan segera.

Begitupun, jelas beliau, sesetengah perkara atau projek yang hendak dilaksanakan mengambil masa.

"Saya juga rasa tak sabar untuk lihat hasil yang kita usahakan secepat mungkin, tapi ia ambil masa. Begitupun pada waktu ini, saya tahu apa yang dimulakan dan akan dimulakan sebab menjadi tanggungjawab saya untuk memahami apa jua yang berlaku.

"Memang ada usaha (menjayakan RMK-9) dan memang pembangunan akan dirasai oleh rakyat akhirnya," katanya ketika berucap pada Jamuan Rumah Terbuka Aidilfitri 2006 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini hari ini.

Menurut Abdullah, RMK-9 baru tujuh bulan dilaksanakan dan ada projek lewat tetapi ada juga pantas dan telah menghasilkan sesuatu.

Beliau berkata, "ada lampu Aladdin senang kerja saya, kita gosok saja apa yang kita mahu lakukan dan berlaku."

Bagaimanapun, jelas Perdana Menteri, beliau percaya apa jua yang diusahakan akan menampakkan kejayaan seperti yang diharapkan tahun depan dan rakyat akan dapat merasai hasilnya.

Beliau menarik perhatian semua pihak termasuk pegawai kerajaan dan pengusaha mempunyai peranan serta tanggungjawab masing-masing untuk menjayakan RMK-9.

"Kerja kita perlu dijayakan, kita mesti bersikap bertanggungjawab dan beramanah untuk melaksanakan apa yang baik," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, media di negara ini lebih bebas berbanding negara-negara ASEAN lain.

"Inilah pandangan orang yang lihat, yang buat penilaian dan mereka sentiasa menilai kita, melihat potensi kita. Yang penting kita bukan hendak cari pujian tetapi hendak bekerja kuat untuk masa depan anak cucu kita agar lebih senang dan mereka dapat membuat sumbangan mereka," katanya.

Akhbar hari ini melaporkan berdasarkan penilaian 'Pemberita Tanpa Batasan' (*Reporters Without Borders*), Malaysia menduduki tempat ke-92 tahun ini dari segi kebebasan media berbanding ke-113 pada 2005.